



Piala Pusingan

Festival Nasyid Kemerdekaan IPT Peringkat Kebangsaan 2011

Pertama Kali Terbang Ke Seberang Laut.

Oleh : Mohd Izwan Izhar Haris



KANGAR, 8 OKTOBER – Kumpulan Damai yang mewakili Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) menjuarai Festival Nasyid Kemerdekaan Intitusi Pengajian Tinggi (IPT) peringkat kebangsaan kali ke-8 yang berlangsung di Dewan Kapitol UniMAP, Kangar, Perlis dan ini merupakan johan kemenangan kali pertama buat mereka.

Kumpulan itu memukau hati juri dengan dendangan lagu Nilai Merdeka dan Merdeka 1 Malaysia menewaskan lima finalis IPT lain iaitu Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM dan Universiti Malaya (UM).

Dengan kemenangan itu, kumpulan itu membawa pulang piala pusingan, piala iringan, wang tunai RM2,000, hamper dan sijil penyertaan. Selain itu, pasukan dari UNIMAS ini turut menerima anugerah Lagu Terbaik dan Lirik Terbaik yang masing-masing menawarkan hadiah wang tunai RM 300.00.

DYTM Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail yang juga Canselor UniMAP dan Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah yang juga Pro-Canselor UniMAP telah menyempurnakan majlis perasmian festival ini dan baginda juga turut sama menyampaikan hadiah kepada para pemenang.

Sementara itu, kumpulan Shoutul Ikhwan yang mewakili tuan rumah UniMAP yang mempersembahkan lagu Penyambung Warisan dan Kita Tunjang Transformasi menduduki tempat kedua dengan menerima hadiah piala iringan, wang tunai RM 1,500, hamper berserta sijil penyertaan. Pasukan UniMAP juga turut memenangi anugerah Persembahan Terbaik dan Kumpulan Khas Juri Terbaik yang juga menawarkan RM 300.00 bagi setiap kategori. Tempat ketiga dengan hadiah piala iringan, wang tunai RM1,000 serta sijil penyertaan disandang oleh kumpulan Nahwan Nur yang



mewakili UPM dengan lagu Kemerdekaan Ini dan Satu Syahadah dan juga kumpulan ini telah dinobatkan sebagai penerima anugerah Kostum Terbaik pada festival kali ini.

Festival itu diadakan bertujuan bagi menjalinkan perkongsian, perpaduan dan persefahaman yang erat antara IPT yang menggerakkan aktiviti kebudayaan dan kesenian selain menggalak, mengembang dan memartabatkan warisan kebudayaan bangsa bersempena sambutan bulan kemerdekaan yang baru lepas bagi menyemarakkan lagi semangat cintakan Negara melalui nasyid.

Sementara itu, pasukan lain yang mengambil bahagian selain daripada 6 finalis pada pertandingan akhir ialah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Teknologi Petronas (UTP), Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan pertandingan akhir ini telah disaksikan dan disambut meriah oleh kira-kira 1,000 penonton yang terdiri daripada penduduk kampung, pelajar-pelajar sekolah sekitar Perlis dan juga pelajar-pelajar UniMAP sendiri.